

3.1 Rekabentuk kajian**3.1.1 Pendekatan Kajian**

Pemilihan pendekatan bagi kajian kualiti hidup golongan kurang upaya bukanlah mudah. Samada pendekatan kualitatif ataupun kuantitatif, mempunyai kelebihan dan kelemahan tertentu. Kontroversi di kalangan pengkaji-pengkaji kuantitatif dan kualitatif masih berterusan. Pengkaji-pengkaji kuantitatif menolak pendekatan kualitatif kerana bersifat terlalu subjektif. Tambahan pula, ia tidak menunjukkan kebolehpercayaan serta tidak boleh digeneralisasikan. Manakala, pengkaji-pengkaji kualitatif pula menolak pendekatan kuantitatif kerana ia terlalu mempermudah fenomena yang begitu kompleks, iaitu kualiti hidup seseorang. Pendekatan ini juga menjadikan pengalaman manusia bersifat objektif. Proses ini menyebabkan pengalaman hidup seseorang menjadi tidak bersifat peribadi dan kurang bermakna (Dennis, Williams, Giangreco dan Cloninger, 1993).

Menurut Weick (1988), pendekatan kualitatif dalam kajian mengenai kualiti hidup membuat andaian bahawa pemahaman yang lebih baik tentang cabaran dan isu-isu yang dihadapi dengan cara mendengar daripada golongan kurang upaya tentang pengalaman mereka. Dennis, Williams, Giangreco dan Cloninger (1993), mengutarakan kelebihan pendekatan kualitatif dalam soal kualiti hidup, iaitu *'The qualitative approach appears to have advantages in considering the quality of life of individuals in relation to that of those around them, as well as its temporal and contextual nature (m.s. 505).*

Berdasarkan kedua-dua pernyataan tersebut, pengkaji memilih pendekatan kualitatif. Pengkaji juga sedar akan limitasi kaedah ini, iaitu tidak boleh

digeneralisasikan. Di sini, pengkaji lebih bertujuan untuk meninjau dan memahami kualiti hidup kanak-kanak autistik daripada tujuan generalisasi.

Justeru, pengkaji juga memilih pendekatan kualitatif atas sebab ketidaksesuaian dari segi bilangan sampel. Populasi di Pusat Pendidikan Khas, Cawangan 1 adalah seramai 18 orang. Bilangan ini tidak sesuai bagi pendekatan kuantitatif. Tambahan pula, bilangan pelajar di pusat ini tidak tetap. Ada kalanya kanak-kanak diberhentikan seketika dan dihantar semula. Mengambil kira faktor ini, pengkaji memilih pendekatan kualitatif.

Atas sebab-sebab yang diterangkan di bawah 3.3 Peserta Kajian, pengkaji memilih Cawangan 2, Pusat Pendidikan Khas.

3.1.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian kes. Memandangkan pengkaji memfokuskan kajian kepada individu daripada pertubuhan bukan kerajaan, maka kajian kes adalah bersesuaian.

3.2 Tempat kajian

Pengkaji bertujuan meninjau kualiti hidup kanak-kanak autistik di pertubuhan bukan kerajaan berdasarkan masalah yang diutarakan oleh Sandiyao (2003) yang telah dibincangkan dalam bahagian pernyataan masalah. Oleh itu, sebuah badan bukan kerajaan, iaitu Pusat Pendidikan Khas (bukan nama sebenar) yang mempunyai cawangan di Klang dipilih. Pertubuhan bukan kerajaan ini didaftarkan di bawah Pendaftar Persatuan-persatuan Malaysia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Pada mulanya, pengkaji hanya memilih sebuah cawangan di Klang yang bermatlamat memberi latihan vokasional (Cawangan 1) kepada pelajar autistik kerana sesuai dengan fokus kajian, iaitu kanak-kanak autistik. Tambahan pula, pemilihan tempat

ini mempunyai kelebihan kerana kemudahan asrama yang disediakan. Ini bermaksud kebanyakan masa kanak-kanak autistik dihabiskan di pusat ini. Oleh itu, aspek-aspek seperti produktiviti, intimasi, tempat dalam komuniti, emosi dan keselamatan bergantung kepada perkhidmatan pusat ini. Maka, pemilihan tempat kajian ini diharap dapat menjawab persoalan kajian.

Lokasi tempat kajian yang berdekatan memudahkan proses kajian. Tempat ini juga menjadi tempat yang sering dikunjungi oleh pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji mengenali penyelaras dan guru-guru. Kanak-kanak di pusat ini juga biasa dengan kehadiran pengkaji. Ini merupakan satu kelebihan bagi pengkaji kerana salah satu ciri individu autistik adalah sukar menerima perubahan dalam persekitaran mereka (IDEA Regulations, 1999). Sekiranya pengkaji memasuki persekitaran kanak-kanak ini sebagai orang baru, mungkin menimbulkan ketidaksengangan. Pemilihan tempat yang sering dikunjungi oleh pengkaji ini diharap tidak menimbulkan masalah ketidaksenangan dan memudahkan proses pengumpulan data.

Setelah memulakan kajian, pengkaji menghadapi masalah dari segi peserta kajian yang boleh memberi respon. Ini akan dibincangkan di bawah 3.3. Peserta Kajian. Oleh itu, pengkaji terpaksa memilih peserta kajian dari satu lagi cawangan di Klang (Cawangan 2) atas cadangan dan nasihat daripada Pengurus Eksekutif Pusat Pendidikan Khas. Maka, dua cawangan Pusat Pendidikan Khas di Klang dipilih untuk tujuan kajian. Cawangan ini pula menawarkan program intervensi dan tiada kemudahan asrama. Sebelum mulakan kajian, pengkaji telah mengunjungi dan membiasakan diri dengan kanak-kanak dan guru-guru di cawangan kedua ini.

3.3 Peserta kajian

Seperti sedia maklum, kualiti hidup adalah berdasarkan pengalaman hidup seseorang dan bersifat peribadi. Oleh itu, pengkaji bertujuan untuk meninjau kualiti hidup kanak-kanak autistik secara berasingan dan telah memilih empat orang kanak-kanak daripada Cawangan 1 Pusat Pendidikan Khas. Pemilihan keempat-empat peserta ini adalah berdasarkan kepada dokumen rekod pemeriksaan dan pengesahan doktor tentang kurang upaya mereka. Selain itu, pengkaji juga memastikan keempat-empat peserta boleh dikategorikan sebagai kanak-kanak berdasarkan bukti kelahiran.

Pada mulanya pengkaji bercadang menggunakan empat orang peserta kajian daripada Cawangan 1 Pusat Pendidikan Khas. Keempat-empat peserta ini terdiri daripada kanak-kanak lelaki kerana majoriti, iaitu seramai 17 orang pelajar di pusat ini adalah lelaki. Tambahan pula, kurang upaya autism adalah empat kali ganda lebih kerap di kalangan kanak-kanak lelaki daripada kanak-kanak perempuan. Peserta-peserta dipilih melalui pensampelan bersengaja. Pengkaji memilih peserta pertama yang boleh bertutur supaya mudah mendapatkan maklumat. Peserta ketiga pula dipilih berdasarkan kesanggupan ibu bapa untuk memberi kebenaran serta mengambil bahagian. Walaupun kanak-kanak ini boleh bertutur, tetapi pertuturannya tidak jelas dan tidak dapat respon kepada pengkaji. Setelah mencuba beberapa kali untuk mendapatkan respon daripadanya, pengkaji terpaksa menemuduga ibunya. Kanak-kanak ini hanya dapat menuliskan barangan miliknya.

Pengkaji menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat daripada 2 orang lagi kanak-kanak yang dipilih. Seorang kanak-kanak yang menjadi kawan rapat peserta kajian pertama tidak dapat memberi respon kepada soalan-soalan pengkaji. Dia dipilih

walaupun bukan verbal kerana dia boleh menulis. Malangnya, dia hanya meniru perkataan-perkataan yang dilihatnya dan tidak dapat menjawab soalan-soalan pengkaji. Pengkaji telah cuba menghubungi ibunya tetapi, beliau tidak dapat berkomunikasi samada dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris. Pengkaji diberitahu oleh penyelaras Cawangan 1 Pusat Pendidikan Khas bahawa bahasa Mandarin yang digunakan oleh ibu kanak-kanak tersebut juga sukar difahami kerana dialek lama.

Oleh yang demikian, pengkaji memilih seorang lagi kanak-kanak yang juga bukan verbal. Kanak-kanak ini suka menyendiri dan mengelakkan diri daripada pengkaji. Oleh itu, pengkaji menghubungi bapanya. Walaupun beliau memberi kebenaran dan sudi memberi maklumat mengenai anaknya, beliau tidak dapat memperuntukkan masa untuk temubual. Beliau juga kurang bersetuju dengan hasrat pengkaji untuk menghubungi ibu kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak terakhir yang dicuba oleh pengkaji juga gagal memberi jawapan kepada soalan-soalan pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji terpaksa mencari peserta kajian daripada Cawangan 2, Pusat Pendidikan Khas. Di cawangan ini pula, hanya seorang kanak-kanak yang verbal dan agak lama. Maka, pengkaji terpaksa mengurangkan peserta kajian daripada empat orang kepada 3 orang.

3.4 Alat kajian

Alat kajian yang akan digunakan oleh pengkaji bagi tujuan meninjau kualiti hidup kanak-kanak autistik adalah ComQol-15 (edisi kelima). Alat kajian ini dibentuk khas bagi kurang upaya intelektual/kognitif oleh Cummins. Alat ini terbahagi kepada komponen objektif dan subjektif yang terdiri daripada tujuh domain seperti berikut:

- i) kebendaan
- ii) kesihatan
- iii) produktiviti
- iv) intimasi
- v) keselamatan
- vi) tempat dalam komuniti
- vii) emosi

Alat ini hanya digunakan sebagai panduan untuk tujuan temuduga dari segi aspek-aspek tersebut. Pengubahsuaian dibuat supaya sesuai dengan pendekatan kualitatif dan keadaan tempatan.

3.5 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilakukan melalui 3 kaedah, iaitu temuduga, pemerhatian, dan dokumen.

3.5.1 Temuduga

Kaedah pertama yang digunakan oleh pengkaji adalah temuduga. Pengkaji memilih kaedah ini untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian yang boleh bertutur berkaitan masalah yang dikaji. Levi dan Andersson (1975) berpendapat bahawa petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menilai kualiti hidup mencadangkan supaya penilaian dibuat oleh pakar ataupun pihak berkuasa yang lain. Masyarakat umum dalam populasi diberi peluang yang tipis untuk memberi pendapat mereka. Dalam kajian ini, pengkaji bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta kajian yang boleh bertutur untuk memberi pendapat. Untuk mencapai tujuan tersebut, soalan-soalan temuduga digunakan. Pengkaji bersifat fleksibel dalam kaedah temuduga untuk memperoleh data

yang bersifat '*emergent*'. Data yang diperolehi akan dijadikan persoalan untuk mendapatkan data yang seterusnya. Bagi peserta kajian yang tidak boleh bertutur, temuduga dibuat dengan ibu.

Temubual tidak formal dan perbincangan juga diadakan dengan ibu bapa dan guru. Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai masalah yang dikaji. Pengkaji akan menyediakan transkrip temuduga dan kemudiannya akan dibuat ringkasan temuduga.

3.5.2 Pemerhatian

Pengkaji membuat pemerhatian terhadap ketiga-tiga peserta kajian yang dipilih semasa latihan vokasional ataupun intervensi, di asrama dan semasa aktiviti rekreasi. Ini bertujuan untuk mengekalkan ciri naturalistik dalam kaedah Kualitatif. Pengkaji akan memerhatikan pergaulan serta aktiviti peserta-peserta kajian dan membuat catatan lapangan kajian.

3.5.3 Dokumen

Dokumen digunakan untuk memperolehi bukti sah berkenaan ketidakupayaan peserta kajian. Selain itu, dokumen bukti kelahiran juga digunakan untuk memastikan peserta kajian boleh dikategorikan sebagai kanak-kanak. Laporan kemajuan pelajar juga akan dirujuk jika berkenaan.

3.6 Bantuan Pengutipan Data

Buku catatan lapangan digunakan untuk membuat catatan di lapangan semasa kajian. Sebarang bentuk rakaman tidak dapat dilakukan kerana mengganggu konsentrasi peserta-peserta kajian. Temuduga dengan ibu juga tidak dirakamkan kerana beliau menyatakan rasa tidak senang dengan rakaman.

3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan

Untuk tujuan ini, strategi triangulasi digunakan di mana pelbagai kaedah mengumpul data digunakan. Di samping memperolehi maklumat daripada peserta kajian, temubual tidak formal diadakan dengan guru dan ibu bapa. Strategi pengesahan pakar akan digunakan untuk kesahan dalaman dengan merujuk kepada penyelia.

3.8 Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut prosedur berikut :

- i) Menyediakan kertas cadangan penyelidikan
- ii) Mendapatkan kebenaran dan kelulusan daripada Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya untuk menjalankan penyelidikan di Cawangan 1 dan 2 Pusat Pendidikan Khas.
- iii) Menghubungi pihak Pusat Pendidikan Khas tersebut untuk mendapatkan kebenaran, reaksi dan respon terhadap kajian yang akan dilakukan – menerangkan tujuan menjalankan kajian serta faedah kepada pusat tersebut.
- iv) Mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada ibu bapa kanak-kanak yang terlibat dalam kajian.
- v) Menjalankan kajian – semasa kajian pengkaji akan memberikan keyakinan bahawa tujuan pengkaji adalah cuma untuk mengetahui dunia mereka dan tidak akan mendedahkan nama sebenar.
- vi) Sebelum meninggalkan tempat kajian, pengkaji akan menunjukkan hasil kajian kepada samada peserta kajian yang boleh memahami, ibu yang terlibat dan guru penyelaras untuk tujuan kesahan.

3.9 Penganalisan data

Penganalisan data dilakukan secara berterusan sejak kajian dimulakan dan bukan di akhir kajian. Analisa akan dibuat secara 2 peringkat. Analisa semasa mengutip data dibuat untuk mendapatkan hala tuju pengutipan data dan mendapatkan pemahaman awal. Penganalisan selepas mengutip data dibuat untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh. Oleh itu, modifikasi dan interpretasi dilakukan mengikut keperluan. Analisa diuji di lapangan. Dengan itu, pengkaji dapat memahami kualiti hidup kanak-kanak autistik yang terlibat.